

JAWATAN : PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J19

Kumpulan : **Pelaksana**

Jadual Gaji : **RM1,435.12 – RM4,052.00**

Taraf Jawatan : **Tetap**

SYARAT LANTIKAN

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan **serta** sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan di Gred J19 ditetapkan mengikut Kategori Sijil Kekompetenan):
 - i) Sijil A0/A1 : RM1,435.12
 - ii) Sijil A4-2/A4-1/A4 : RM1,493.24
 - iii) Sijil B0-2/BO-1/B0/B1/B4 : RM1,551.36
 - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

- 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam atau Pemantau/Operator Jentera Pemunggah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penjaga Jentera Elektrik Gred J19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); dan
 - b) had umur pelantikan:
 - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan 60 tahun.

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas penyelenggaraan dan operasi ke atas sistem pemasangan elektrik dengan memastikan tatacara/prosedur keselamatan adalah sentiasa dipatuhi bagi memenuhi keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.